

BERITA HARIAN

ILMU DAN MAKLUMAT

TARIKH	10 / 6 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	n13	RUANGAN	Sentral

Kem Bijak TaHa dapat sambutan menggalakkan

SEREMBAN: Seramai 120 pelajar sekolah menengah sekitar Lembah Klang menyertai Kem Bijak TaHa anjuran Tabung Haji (TH) dengan kerjasama Unit Pendidikan Berita Harian di Pusat Latihan Excell, Lenggeng dekat sini, semalam.

Pengurus Kanan Bahagian Khidmat Pelanggan TH, Noor Azmima Ismail, berkata kem dua hari sempena cuti sekolah itu khas untuk ahli Kelab TaHa dan pendeposit LTH.

"Sambutan amat menggalakkan. Walaupun sasaran penyertaan hanya 100 orang, permintaan tinggi ibu bapa menyebabkan kami terpaksa membuka lebih penyertaan.

"Kem ini bukan hanya bertujuan supaya pelajar mencapai kejayaan cemerlang dalam pelajaran, malah memberi tumpuan terhadap pembentukan personaliti yang baik," katanya.

Noor Azmima berkata, kem yang memasuki tahun ketiga kini mengambil pendekatan baru dengan memberikan penekanan kepada memupuk semangat cintakan agama, selain membantu mereka memahami teknik pembelajaran berkesan.

Selain itu, katanya mereka didedahkan permainan interaktif seperti eksperimen animasi dan

slot pendekatan psikologi bersama kaunselor dan pakar motivasi bertauilah.

Beliau berharap kem itu membolehkan peserta mengisi masa lapang ketika cuti sekolah dengan aktiviti berfaedah selain memperluaskan program tanggungjawab korporat Tabung Haji.

"Sebelum ini, program Tabung Haji dengan kerjasama *Berita Harian* tertumpu kepada aktiviti bimbingan peperiksaan kepada calon Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Meningkat Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

"Kem Bijak TaHa diharap dapat membentuk nilai positif dalam diri pelajar melalui pelbagai aktiviti seperti Bijak Solat, Bijak English, Bijak IQ dan Bijak Kendiri. Peserta juga didekah dengan cara menuaikan solat dengan betul dan menguruskan diri," katanya.

BERITA HARIAN

120
pelajar

Sertai Kem Bijak TaHa anjuran Tabung Haji